

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
(AKTA 172)**

**KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012**

SUSUNAN KAEDAH - KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah-kaedah

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

3. Permohonan untuk kebenaran merancang
4. Permohonan untuk melanjutkan kebenaran merancang
5. Fi
6. Maklumat dan keterangan
7. Daftar Permohonan
8. Notis kepada pemunya tanah berjiran
9. Perundingan

**BAHAGIAN III
KEBENARAN MERANCANG**

10. Kebenaran Merancang
11. Notis pemberian kebenaran merancang kepada pembantah
12. Perintah pembatalan dan pengubahsuaian
13. Tuntutan bagi pampasan dan kos

BAHAGIAN IV NOTIS-NOTIS PENGUATKUASAAN

Kaedah-kaedah

14. Notis di bawah seksyen 27
15. Notis di bawah seksyen 28
16. Notis di bawah seksyen 29
17. Notis Rekuisisi
18. Perakuan Pematuhan
19. Notis Pembelian
20. Tuntutan akibat pematuhan notis rekuisisi
21. Kad Kuasa
22. Kadar sumbangan tempat letak kereta
23. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
(AKTA 172)**

**Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am)
(Terengganu) 2012**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 58(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Terengganu) 2012**.

(2) Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Kaedah ini hendaklah dipakai oleh pihak berkuasa perancang tempatan Negeri Terengganu.

Tafsiran

2. Dalam kaedah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

**BAHAGIAN II
PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Permohonan untuk kebenaran merancang

3. (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan sesuatu pemajuan hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama.

(2) Sesuatu permohonan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir dan disertakan dengan apa-apa dokumen dan pelan yang ditetapkan melalui Jadual Kedua.

(3) Sesuatu arahan bertulis di bawah subseksyen 21(3) Akta yang diberi kepada pemohon untuk kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang A(1) Jadual Pertama.

(4) Setelah mematuhi arahan bertulis sebagaimana kehendak subkaedah (3) pemohon hendaklah mengembalikan semula kepada pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh tiga puluh hari atau suatu tempoh yang dilanjutkan atas permintaan pemohon dan dipersetujui oleh pihak berkuasa perancang tempatan dalam Borang A(2) Jadual Pertama.

Permohonan untuk melanjutkan kebenaran merancang

4. (1) Sesuatu permohonan untuk melanjutkan kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang B(1) Jadual Pertama.

(2) Sesuatu permohonan untuk melanjutkan lagi kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang B(2) Jadual Pertama.

Fi

5. (1) Fi memproses permohonan kebenaran merancang hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian A Jadual Ketiga.

(2) Fi kebenaran merancang hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian B Jadual Ketiga.

(3) Fi melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran merancang hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian C Jadual Ketiga.

(4) Fi kebenaran merancang untuk meroboh sesuatu bangunan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian D Jadual Ketiga.

(5) Fi permohonan bagi pemajuan yang diusahakan atau dijalankan tanpa mendapat kebenaran merancang terlebih dahulu daripada pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian E Jadual Ketiga.

Maklumat dan keterangan

6. (1) Jika sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang melibatkan menegakkan suatu bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh menghendaki pemohon supaya memberikan apa-apa maklumat tambahan yang perlu untuk membolehkan pihak berkuasa perancang tempatan membuat keputusan ke atas permohonan itu.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menghendaki seseorang pemohon untuk kebenaran merancang supaya menunjukkan apa-apa keterangan yang munasabah untuk menyokong apa-apa maklumat yang telah diberi dalam atau berhubungan dengan permohonannya.

Daftar Permohonan

7. Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyenggara suatu Daftar Permohonan dalam mana apabila menerima suatu permohonan untuk kebenaran merancang, butir-butir permohonan dimasukkan ke dalam Daftar Permohonan itu.

Notis kepada pemunya tanah berjiran

8. Sesuatu notis bertulis yang disampaikan kepada pemunya-pemunya tanah berjiran di bawah subseksyen 21(6) Akta hendaklah dalam Borang A Jadual Keempat.

Perundingan

9. Sebelum memutuskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, pihak berkuasa perancang tempatan bolehlah berunding dengan pihak berkuasa, jabatan, kumpulan, persatuan, pertubuhan atau mana-mana orang.

BAHAGIAN III KEBENARAN MERANCANG

Kebenaran Merancang

10. (1) Kebenaran merancang hendaklah diberi dalam Borang C(1) Jadual Pertama.

(2) Sesuatu penolakan di dalam memberi kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang C(2) Jadual Pertama.

Notis pemberian kebenaran merancang kepada pembantah

11. Sesuatu notis pemberian kebenaran merancang yang hendak diberi kepada seseorang pembantah yang telah membuat bantahan di bawah subseksyen 22(6) Akta hendaklah dalam Borang B Jadual Keempat.

Perintah pembatalan dan pengubahsuaian

12. (1) Sesuatu perintah di bawah subseksyen 25(1) Akta yang membatalkan suatu kebenaran merancang atau suatu kelulusan pelan bangunan hendaklah dibuat dalam Borang C(1) Jadual Keempat.

(2) Sesuatu perintah di bawah subseksyen 25(1) Akta yang mengubahsuaikan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan, hendaklah dibuat dalam Borang C(2) Jadual Keempat.

(3) Suatu salinan perintah itu hendaklah disampaikan kepada orang yang kepadanya kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang terjejas oleh perintah itu setelah Jawatankuasa Perancang Negeri memberikan pengesahannya menurut subseksyen 25(2) Akta.

Tuntutan bagi pampasan dan kos

13. (1) Sesuatu tuntutan bagi pampasan di bawah subseksyen 25(7) Akta hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Kelima dalam tempoh enam bulan selepas disampaikan perintah yang membatalkan kebenaran merancang yang diberi di bawah subseksyen 22(3)

Akta atau kelulusan pelan bangunan yang diberi di bawah Undang-Undang Kerajaan Tempatan yang terdahulu ke atas orang yang kebenarannya atau kelulusan telah diberi.

(2) Sesuatu tuntutan bagi kos dan pampasan di bawah subseksyen 25(8) Akta hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Kelima dalam tempoh enam bulan selepas disampaikan perintah mengubahsuai kebenaran merancang yang diberi di bawah subseksyen 22(3) Akta atau kelulusan pelan bangunan yang diberi di bawah Undang-Undang Kerajaan Tempatan yang terdahulu ke atas orang yang kepadanya kebenaran atau kelulusan telah diberi.

BAHAGIAN IV NOTIS-NOTIS PENGUATKUASAAN

Notis di bawah seksyen 27

14. (1) Sesuatu notis di bawah perenggan 27(2)(a) Akta menghendaki supaya memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah perenggan 27(2)(b) Akta menghendaki supaya menghentikan pemajuan dan memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang E Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen 27(3) Akta menghendaki supaya pemunya, penduduk atau orang yang menjalankan pemajuan, mengikut mana-mana yang berkenaan dan menghendaki dia memohon kebenaran merancang dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang F Jadual Keempat.

(4) Sesuatu notis di bawah subseksyen 27(4) Akta menghendaki supaya menghentikan pemajuan, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang G Jadual Keempat.

(5) Sesuatu notis di bawah subseksyen 27(8) Akta menghendaki supaya memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, selepas kegagalan memohon atau mendapat kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang H Jadual Keempat.

Notis di bawah seksyen 28

15. (1) Sesuatu notis di bawah perenggan 28(2)(a) Akta menghendaki supaya pemajuan diselaraskan dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat dalam Borang I(1) Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah perenggan 28(2)(a) Akta menghendaki supaya memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat melalui I(2) Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah perenggan 28(2)(b) Akta menghendaki supaya menghentikan pemajuan dan menepati kebenaran merancang dan syarat-syarat berkenaan hendaklah dibuat dalam Borang J(1) Jadual Keempat.

(4) Sesuatu notis di bawah perenggan 28(2)(b) Akta menghendaki supaya menghentikan pemajuan dan memulihkan tanah setakat yang mungkin sebelum pemajuan dimulakan, hendaklah dibuat dalam Borang J(2) Jadual Keempat.

(5) Sesuatu notis di bawah subseksyen 28(3) Akta menghendaki supaya pemohon membuat permohonan untuk kebenaran merancang yang baru dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat dalam Borang K Jadual Keempat.

(6) Sesuatu notis di bawah subseksyen 28(4) Akta menghendaki supaya menghentikan pemajuan, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat dalam Borang L Jadual Keempat.

(7) Sesuatu notis di bawah subseksyen 28(8) Akta untuk tujuan menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, dalam hal permohonan tidak dibuat bagi kebenaran merancang yang baru atau permohonan berkenaan dengan bagi

kebenaran merancang yang baru ditolak di bawah subseksyen 28(3) Akta, hendaklah dibuat dalam Borang M Jadual Keempat.

(8) Sesuatu notis di bawah subseksyen 28(8) Akta untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal permohonan bagi kebenaran merancang yang baru tidak dibuat atau permohonan bagi kebenaran merancang yang baru ditolak di bawah subseksyen 28(3) Akta, hendaklah dibuat dalam Borang N Jadual Keempat.

Notis di bawah seksyen 29

16. (1) Sesuatu notis di bawah perenggan 29(2)(a) Akta untuk menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau diluluskan, hendaklah dibuat dalam Borang O Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah perenggan 29(2)(b) Akta menghendaki supaya sesuatu pemajuan diberhentikan dan disesuaikan dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda, dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau diluluskan, hendaklah dibuat dalam Borang P Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen 29(3) Akta menghendaki supaya tanah dipulihkan kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda, hendaklah dibuat dalam Borang Q Jadual Keempat.

Notis Rekuisisi

17. (1) Sesuatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta untuk memberhentikan penggunaan tanah hendaklah dibuat dalam Borang R Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta untuk mengenakan syarat-syarat ke atas penggunaan tanah yang berterusan hendaklah dibuat dalam Borang S Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis rekuisisi di bawah subseksyen 30(1) Akta untuk mengubah atau memindah bangunan atau kerja-kerja di atas tanah hendaklah dibuat dalam Borang T Jadual Keempat.

Perakuan Pematuhan

18. Apabila sahaja dipatuhi kehendak-kehendak sesuatu notis rekuisisi, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengeluarkan kepada orang yang kepadanya notis telah disampaikan suatu perakuan pematuhan.

Notis Pembelian

19. (1) Sesuatu notis pembelian di bawah perenggan 37(1)(a) Akta bagi tanah yang dicadangkan untuk maksud awam dalam rancangan pemajuan hendaklah dibuat dalam Borang U(1) Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis pembelian di bawah perenggan 37(1)(b) Akta bagi pematuhan kepada suatu notis rekuisisi di bawah seksyen 30 hendaklah dibuat dalam Borang U(2) Jadual Keempat.

(3) Penyerahan notis pembelian kepada pihak berkuasa perancang tempatan akan dianggap sebagai sempurna apabila diterima oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Tuntutan akibat pematuhan notis rekuisisi

20. (1) Sesuatu tuntutan di bawah subseksyen 30(5) Akta bagi perbelanjaan atau kos menjalankan kerja-kerja untuk mematuhi notis rekuisisi hendaklah dibuat dalam Borang C Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh pihak berkuasa perancang tempatan memperakui bahawa notis rekuisisi telah dipatuhi.

(2) Sesuatu tuntutan di bawah subseksyen 30(5) Akta bagi kerosakan yang berupa susut nilai tanah yang dialami akibat pematuhan notis rekuisisi hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh pihak berkuasa perancang tempatan memperakui bahawa notis rekuisisi telah dipatuhi.

Kad Kuasa

21. Kad kuasa yang dikehendaki di bawah subseksyen 45(1) Akta hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Kadar sumbangan tempat letak kereta

22. Bayaran kadar sumbangan letak kereta hendaklah seperti yang dinyatakan di Jadual Keenam.

Pembatalan

23. Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1995 dengan ini adalah dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012

BORANG A

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG
[Subkaedah 3(1)]
Subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada pihak berkuasa perancang tempatan,

.....
.....
.....

Saya/kami.....
(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat.....

No. KP. dengan ini memohon untuk kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang berikut:

- (a) untuk memecah bahagi atau mencantumkan tanah mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (b) untuk membuat perubahan material dalam penggunaan tanah mengikut pelan yang disertakan;
- (c) untuk *mendirikan/membina/menjalankan di atas tanah suatu *bangunan/bangunan-bangunan/kerja-kerja mengikut pelan yang disertakan;
- (d) untuk membuat *tambahan/perubahan ke atas suatu bangunan mengikut pelan yang disertakan;
- (e) untuk menjalankan kerja meroboh ke atas sesuatu bangunan mengikut proses, tatacara dan pelan yang disertakan;
- (f) untuk membuat perubahan material dalam penggunaan *bangunan/bangunan-bangunan di atas tanah mengikut pelan yang disertakan;
- (g) untuk menjalankan apa-apa kerja operasi seperti kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja seumpamanya pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, mengikut pelan yang disertakan;
- (h) untuk membuat pindaan kepada kebenaran merancang.

Penggunaan tanah yang sedia ada:

Penggunaan bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah:

Kepentingan pemohon pada tanah: pemunya/penduduk/bakal pembeli/kepentingan lain:

2. Seperti yang dikehendaki oleh subkaedah 2(2), Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Terengganu) 2012, saya/kami sekarang menyerahkan dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang relevan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

3. Seperti yang dikehendaki oleh kaedah 4, Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Terengganu) 2012, saya/kami dengan ini menyerahkan bayaran sejumlah RM (Ringgit:) sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Tarikh:.....

.....
(Tandatangan Pemohon)

+ Tanda (x) pada petak yang berkenaan
* Potong mana yang tidak berkenaan

PERIHAL TANAH

No.Lot:

No. * Geran/No.Pajakan/No.Hakmilik Sementara:

Alamat Tanah (jika ada):

Kategori Penggunaan Tanah (bangunan, pertanian, perusahaan):

Mukim/Pekan/Bandar:

(Jika permohonan melibatkan lebih daripada satu lot, lampirkan satu perihal sama bagi tiap-tiap lot lain itu)

PERSETUJUAN PEMUNYA TANAH

Saya/kami
(Nama pemunya tanah)
beralamat.....
(Alamat)

No. KP pemunya tanah yang diperihalkan di atas,
dengan ini bersetuju dengan pemajuan yang baginya kebenaran merancang dipohon.

Tarikh:
(Tandatangan Pemunya Tanah)

(Jika ada pemunya lain, lampirkan persetujuan yang sama bagi tiap-tiap satu)

**NAMA PEMUNYA TANAH-TANAH BERJIRAN

- | | |
|-----------------|-----------------|
| 1. Nama: | 2. Nama: |
| No. Lot : | No. Lot: |
| Alamat: | Alamat: |
| | |
| | |
| | |
| 3. Nama : | 4. Nama : |
| No. Lot : | No. Lot : |
| Alamat : | Alamat : |
| | |
| | |
| | |

***Jika permohonan adalah berkaitan dengan permohonan pindaan kepada kebenaran merancang, butir-butir berkaitan pemunya tanah berjiran tidak diperlukan.*

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

No. Permohonan Kebenaran Merancang :

Tarikh diterima :

Nombor Rujukan. :

No./Nama Rancangan Tempatan :

Jenis penggunaan dalam Rancangan Tempatan :

Nisbah plot dalam Rancangan Tempatan :

Tarikh diakui terima :

AKUAN TERIMA PERMOHONAN

Pihak berkuasa perancang tempatan, MAJLIS

Terengganu dengan ini mengaku terima permohonan

.....

bertarikh untuk kebenaran merancang berkenaan dengan
pemajuan tanah yang mempunyai nombor hak milik nombor lot
..... dalam Mukim/Pekan/Bandar dalam
Daerah

No. Permohonan Kebenaran Merancang:

Nombor Rujukan:

Tarikh:

METERAI

.....
(Nama dan Tandatangan Pengesahan
Pegawai Berkuasa)

JADUAL PERTAMA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012

BORANG A(1)

ARAHAN BERTULIS BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG
[Subkaedah 3(3)]
Subseksyen 21(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....
.....
.....
.....

Setelah membuat semakan ke atas permohonan tuan dan mengambil kira perkara-perkara yang dikehendaki oleh Undang-undang, keperluan teknikal serta dokumen rancangan pemajuan yang ada, arahan bertulis seperti di Lampiran A Borang ini adalah dengan ini diberi kepada

(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat.....

(Alamat)

.....
bagi tujuan

(Nyatakan jenis pemajuan)

di nombor lot dalam Mukim/Pekan/Bandar dalam Daerah, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan nombor rujukan dan syarat-syarat teknikal yang dilampirkan.

2. Tuan dikehendaki mematuhi kehendak-kehendak arahan bertulis yang diberi dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis ini disampaikan. Kegagalan untuk mengemukakan semula permohonan kebenaran merancang dalam tempoh tersebut atau tempoh yang dilanjutkan, hendaklah disifatkan telah ditarik balik.

Tarikh:

METERAI

.....
*(Nama dan Tandatangan Pengesahan
Pegawai Berkuasa)*

LAMPIRAN A

JADUAL PERTAMA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012

BORANG A(2)

PENGEMUKAAN SEMULA PERMOHONAN UNTUK
KEBENARAN MERANCANG

[Subkaedah 3(4)]

Subseksyen 21(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada pihak berkuasa perancang tempatan,

.....
.....
.....

Saya/kami.....

(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat:

(Alamat)

No. KP..... dengan ini mengemukakan semula permohonan kebenaran merancang sebagaimana arahan bertulis yang diberi oleh pihak tuan yang mempunyai nombor rujukan yang disampaikan pada saya pada..... untuk dipertimbangkan semula bagi kelulusan kebenaran merancang dengan pemajuan yang dicadangkan di atas nombor lot dalam Mukim/Pekan/Bandar dalam Daerah

Tarikh:

.....

(Tandatangan Pemohon)

JADUAL PERTAMA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012

BORANG B(1)

PERMOHONAN BAGI PERLANJUTAN KEBENARAN MERANCANG
[Subkaedah 4(1)]
Subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada pihak berkuasa perancang tempatan,

.....
.....
.....

Saya/kami.....
(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat:
(Alamat)

No. KP dengan ini memohon perlanjutan kebenaran merancang
nombor rujukan yang diberi kepada saya/kami pada
..... berkenaan dengan pemajuan yang dicadangkan dia atas nombor lot
(Tarikh)
..... dalam Mukim/Pekan/Bandar..... dalam Daerah
.....

2. Saya/kami belum memulakan pemajuan dan tidak akan dapat berbuat demikian
sebelum kebenaran merancang luput, di atas sebab-sebab
berikut:.....
.....
.....

3. Saya/kami lampirkan nombor resit bagi jumlah wang
RM (Ringgit:) yang
dikeluarkan kepada saya/kami pada bagi fi permohonan asal saya/kami
(Tarikh)
untuk kebenaran merancang.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Pemohon)

JADUAL PERTAMA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012

BORANG B(2)

PERMOHONAN BAGI PERLANJUTAN TAMBAHAN
KEBENARAN MERANCANG

[Subkaedah 4(2)]

Subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada pihak berkuasa perancang tempatan,

.....
.....
.....

Saya/kami.....
(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat:
(Alamat)

No. KP dengan ini memohon perlanjutan tambahan kebenaran merancang
nombor rujukan yang diberi kepada saya/kami pada
..... berkenaan dengan pemajuan yang dicadangkan di atas nombor lot
(Tarikh)
..... dalam Mukim/Pekan/Bandar..... dalam Daerah
.....

2. Saya/kami belum memulakan pemajuan dan tidak akan dapat berbuat demikian
sebelum kebenaran merancang luput, di atas sebab-sebab
berikut:.....
.....
.....

3. Saya/Kami lampirkan nombor resit bagi jumlah wang
RM (Ringgit:) yang
dikeluarkan kepada saya/kami pada bagi fi permohonan asal saya/kami
(Tarikh)
untuk kebenaran merancang.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Pemohon)

JADUAL PERTAMA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012
BORANG C(1)
KEBENARAN MERANCANG
[Subkaedah 10(1)]
Subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Nombor Rujukan:

Menurut kuasa subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, KEBENARAN MERANCANG adalah dengan ini diberi kepada

(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat.....

(Alamat)

bagi maksud

(Nyatakan jenis pemajuan)

sebagaimana yang ditunjukkan dalam No. Pelan yang dilampirkan di atas nombor lot dalam Mukim/Pekan/Bandar dalam Daerah

2. Kebenaran merancang tersebut adalah dengan ini diberi dari tarikh sehingga

3. Pemberian kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:.....

.....
.....
.....

Tarikh:

METERAI

.....
*(Nama dan Tandatangan Pengesahan
Pegawai Berkuasa)*

Nota :

1. Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu dikemukakan.
2. Rayuan hendaklah di alamatkan kepada Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Terengganu, di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu.

JADUAL PERTAMA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012
BORANG C(2)
PENOLAKAN KEBENARAN MERANCANG
[Subkaedah 10(2)]
Subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....
.....
.....

Nombor Rujukan:

.....
(Pihak berkuasa perancang tempatan)

telah menimbang permohonan tuan dan mengambilkira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang dengan ini membuat keputusan menolak permohonan kebenaran merancang kepada

(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat.....

(Alamat)

bagi tujuan

(Nyatakan jenis pemajuan)

sebagaimana yang dilampirkan dalam No. Pelan untuk pemajuan di atas No.Lot dalam Mukim/Pekan/Bandar dalam Daerah

2. Pihak berkuasa perancang tempatan telah menolak kebenaran merancang di atas sebab-sebab yang berikut:.....

.....
.....

Tarikh:

METERAI

.....
(Nama dan Tandatangan Pengesahan Pegawai Berkuasa)

Nota :

1. Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu dikemukakan.
2. Rayuan hendaklah di alamatkan kepada Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Terengganu, di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu.

JADUAL KEDUA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) (TERENGGANU) 2012

DOKUMEN DAN PELAN YANG HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG [Subkaedah 3(2)]

1. 10 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan pelan tapak atau pelan susun atur yang ditandatangani oleh pemohon, pemunya tanah berdaftar dan orang yang menyediakan pelan itu.

Pelan mestilah:

- (a) dilukis mengikut skala yang sesuai beza antara 1:100 hingga 1:1500 atau yang setara dengannya, termasuk suatu pelan punca yang dilukis mengikut skala tidak melebihi 1:50,000 meliputi kawasan dalam jarak lingkungan 5 km dari pemajuan yang dicadangkan itu; dan ditunjukkan semua penanda batu jarak lingkungan itu;
- (b) menunjukkan tapak sebenar di mana bangunan yang dicadangkan itu akan didirikan atau, mengenai bangunan yang sedia ada, tapak sebenar di mana bangunan itu berdiri;
- (c) menunjukkan nombor lot dan kawasan tanah;
- (d) menunjukkan dengan jelas dengan warna-warna yang sesuai mengikut pelbagai penggunaan tanah itu;
- (e) menunjukkan kedudukan, hujung, persilangan, dan lebar semua jalan baru yang dicadangkan hendak direzabkan, disusun atur atau dibina di atas tanah itu;
- (f) menunjukkan saliran bawah tanah yang dicadangkan, termasuk salur keluar saliran ke loji rawatan kumbahan yang disediakan;
- (g) menunjukkan jalan akses yang sah dari tapak ke jalan raya;
- (h) menunjukkan jenis-jenis kegunaan dan struktur binaan di tanah berjiran kepada tanah yang hendak dibangunkan, yang mana tanah berjiran tersebut akan memberi kesan atau menerima kesan daripada pemajuan yang hendak dijalankan di atas tanah tersebut;
- (i) menunjukkan garisan bangunan dan anjakan belakang dari simpanan jalan;

- (j) menunjukkan pengekalan seni taman ke atas pemajuan yang dicadangkan;
 - (k) menunjukkan Garisan Kontur mengikut jeda di antara 1 hingga 5 meter;
 - (l) menunjukkan tanda utara dan skala;
 - (m) susunan tempat letak kenderaan;
 - (n) menyediakan ruang syarat teknikal dan ruang syarat kelulusan pihak berkuasa perancang tempatan di atas pelan;
 - (o) menunjukkan jenis permohonan;
 - (p) menunjukkan skala pemajuan;
 - (q) menunjukkan kepadatan, nisbah plot dan kos (jika berkenaan).
2. Laporan Cadangan Pemajuan jika diperlukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.
 3. Carian rasmi/salinan sah hak milik tanah.
 4. Dokumen yang sah untuk menjamin adanya akses yang sah dari tapak ke jalan raya.
 5. 10 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan lakaran pelan bangunan yang dicadangkan atau tambahan-tambahan yang dicadangkan atau perubahan-perubahan kepada bangunan yang sedia ada, yang menunjukkan aras, bahagian dan kegunaan-kegunaan yang dicadangkan bagi tiap-tiap tingkat dan ukuran masing-masing.
 6. Suatu contoh atau ilustrasi mengikut perspektif pemajuan yang dicadangkan jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.
 7. Dokumen-dokumen sokongan seperti penilaian kesan sosial, penilaian kesan ke atas lalu lintas, laporan penilaian kesan alam sekitar, laporan geoteknikal dan geologi yang disediakan dan disahkan oleh professional bertauliah dalam bidang berkaitan, jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

JADUAL KETIGA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012

BAHAGIAN A

FI MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG
[Subkaedah 5(1)]
Subseksyen 58(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

| No. | Jenis Proses | Fi |
|-----|---|-----------------------------|
| 1. | Memproses permohonan kebenaran merancang untuk memecah bahagi, memecah sempadan atau mencantumkan tanah | |
| | a) tidak melebihi 4 lot/petak | RM 50 bagi satu permohonan |
| | b) melebihi 4 lot/petak | RM 100 bagi satu permohonan |
| 2. | Memproses permohonan kebenaran merancang untuk mendirikan atau membuat perubahan atau tambahan kepada - | |
| | a) sebuah bangunan | RM 50 bagi satu permohonan |
| | b) lebih dari sebuah bangunan | RM 100 bagi satu permohonan |
| 3. | Memproses permohonan kebenaran merancang untuk membuat perubahan material penggunaan tanah atau bangunan | RM 100 bagi satu permohonan |
| 4. | Memproses permohonan kebenaran merancang untuk membuat tambahan atau perubahan ke atas pelan susun atur | RM 50 bagi satu permohonan |
| 5. | Memproses permohonan untuk menjalankan apa-apa kerja operasi seperti kejuruteraan, perlombongan, atau perindustrian | RM 100 bagi satu permohonan |
| 6. | Proses-proses permohonan yang lain. | RM 100 bagi satu permohonan |

JADUAL KETIGA
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012

BAHAGIAN B

FI KEBENARAN MERANCANG
[Subkaedah 5(2)]

Subseksyen 58(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

| <i>Ruangan 1</i> | <i>Ruangan 2</i> |
|--|--|
| <i>Kategori</i> | <i>Fi</i> |
| A. Memecah sempadan tanah (pelan susun atur). | |
| (a) Tujuan kediaman | |
| i) Kediaman Kos Rendah | RM 20 bagi satu plot yang dipecah sempadan. |
| ii) Lain-lain jenis kediaman | RM 40 seunit bagi 100 plot rumah yang pertama; RM 30 seunit bagi 100 plot rumah selepas itu; RM 25 seunit bagi plot rumah seterusnya. |
| (b) Tujuan bukan kediaman | |
| i) Stesyen minyak petrol | RM 500 bagi satu plot yang dipecah sempadan. |
| ii) Perindustrian | RM 100 bagi satu plot yang dipecah sempadan. |
| iii) Perniagaan | RM 100 bagi satu plot yang dipecah sempadan. |
| iv) Perhotelan/resort | RM 100 bagi satu plot yang dipecah sempadan. |
| v) Pertanian | RM 30 bagi satu plot yang dipecah sempadan. |
| vi) Lain-lain | RM 100 bagi satu plot yang dipecah sempadan. |
| B. Mencantumkan tanah-tanah. | RM 40 bagi setiap lot asal. |
| C. Membuat perubahan material penggunaan tanah. | RM 500 bagi satu permohonan. |
| D. Membuat perubahan material penggunaan bangunan. | RM 200 bagi satu permohonan untuk bangunan kekal atau RM 50/unit yang mana lebih tinggi. RM 100 bagi satu permohonan untuk bangunan sementara/separa kekal. |

Ruangan 1

Ruangan 2

Kategori

Fi

E. Mendirikan/membuat tambahan kepada bangunan.

(a) Tujuan kediaman

i) Bagi plot yang tidak dipecah bahagi; atau

ii) Melebihi 2 unit atau 3 tingkat bagi plot yang telah dipecah bahagi :

A. Kediaman Kos Rendah RM 20 bagi satu plot yang dipecah sempadan.

B. Lain-lain jenis kediaman RM 40 seunit bagi 100 plot rumah yang pertama;
RM 30 seunit bagi 100 plot rumah selepas itu;
RM 25 seunit bagi plot rumah seterusnya.

(b) Tujuan bukan kediaman

i) Stesyen minyak petrol RM 2,000 bagi satu plot yang dipecah sempadan.

ii) Pemajuan terbuka/pandu laluan seperti restoran, panggung wayang RM 40 bagi setiap 100 meter persegi.

iii) Perindustrian

A. Khas RM 60 bagi setiap 100 meter persegi.

B. Berat RM 50 bagi setiap 100 meter persegi.

C. Sederhana/Ringan RM 40 bagi setiap 100 meter persegi.

iv) Perniagaan/Pejabat RM 50 bagi setiap 100 meter persegi pertama atau sebahagian darinya;
RM 40 bagi setiap 75 meter persegi selepas itu atau sebahagian darinya;
RM 30 bagi setiap 50 meter persegi dan seterusnya atau sebahagian darinya.

v) Hotel/Tempat peranginan/Chalet/Rumah penginapan RM 50 bagi setiap bilik.

vi) Lain-lain. RM 50 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya;
RM 40 bagi setiap 75 meter persegi selepas itu atau sebahagian darinya;
RM 30 bagi setiap 50 meter persegi dan seterusnya atau sebahagian darinya.

| <i>Ruangan 1</i> | <i>Ruangan 2</i> |
|---|---|
| <i>Kategori</i> | <i>Fi</i> |
| (c) Infrastruktur dan Utiliti | |
| i) Menara telekomunikasi | RM 500 bagi satu menara. |
| ii) Paip Minyak/Gas | RM 500 bagi setiap kilometer atau sebahagian daripadanya. |
| iii) Ibusawat | RM 500 bagi setiap ibusawat. |
| iv) Talian rentis elektrik | RM 500 bagi setiap kilometer atau sebahagian daripadanya |
| v) Sistem Pembentungan | RM 500 bagi setiap tapak. |
| vi) Tapak/Stesen Transit Sisa Pepejal | RM 1,000 bagi setiap tapak/stesen. |
| vii) Lapangan Terbang | RM 1,000 bagi setiap lapangan terbang. |
| viii) Empangan | RM 1,000 bagi setiap empangan. |
| ix) Pelabuhan | RM 1,000 bagi setiap pelabuhan. |
| x) Lain-lain | RM 1,000 bagi satu permohonan setiap pemajuan. |
| (d) Kemudahan Awam/Rekreasi Berorientasikan Perniagaan. | |
| i) Padang golf | RM 1,000.00 bagi setiap padang golf. |
| ii) Tadika Swasta | RM 200.00 bagi setiap tadika. |
| iii) Sekolah Swasta/Institusi Pendidikan Swasta | RM 500.00 bagi setiap sekolah/institusi pendidikan |
| iv) Perpustakaan | RM 200.00 bagi setiap perpustakaan. |
| v) Hospital/Klinik | RM 50 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya; RM 40 bagi setiap 75 meter persegi selepas itu atau sebahagian darinya; RM 30 bagi setiap 50 meter persegi dan seterusnya atau sebahagian darinya. |
| vi) Dewan/Gelanggang | RM 50 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya; RM 40 bagi setiap 75 meter persegi selepas itu atau sebahagian darinya; RM 30 bagi setiap 50 meter persegi dan seterusnya atau sebahagian darinya. |
| vii) Tempat Letak Kereta | RM 200.00 bagi satu tapak atau RM 10.00 bagi setiap petak atau mana yang lebih tinggi |

| <i>Ruangan 1</i> | <i>Ruangan 2</i> |
|-------------------------------------|---|
| <i>Kategori</i> | <i>Fi</i> |
| viii) Marina | RM 1,000.00 bagi setiap marina. |
| ix) Kubur/Krematorium | RM500 satu tapak atau RM 2.00 setiap petak yang mana lebih tinggi. |
| x) Taman Tema | RM 2,000.00 bagi setiap taman tema. |
| | |
| (e) Aktiviti Burung Walit | RM 50 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya. RM 40 bagi setiap 100 meter persegi selepas itu atau sebahagian darinya. RM 30 bagi setiap 100 meter persegi dan seterusnya atau sebahagian darinya. |
| (f) Pertanian komersil | RM 50 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya. |
| i) Bangunan ternakan | RM 30 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya. |
| ii) Kolam | RM 10 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya. |
| iii) Padang ragut | |
| iv) Lain-lain | RM 20 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya. |
| | |
| (g) Perlombongan | |
| i) Aktiviti perlombongan | RM 2000 bagi setiap permohonan |
| ii) Bangunan berkaitan perlombongan | RM 50 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian |

JADUAL KETIGA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

**KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012**

BAHAGIAN C

**FI MELANJUTKAN/MELANJUTKAN LAGI KEBENARAN MERANCANG
[Subkaedah 5(3)]**

Subseksyen 58(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Ruangan 1

Ruangan 2

Kategori

Fi

Kategori A hingga E di Ruangan 1 dalam Bahagian B Jadual Ketiga

RM 50 setiap permohonan, atau sepuluh peratus, mana-mana yang lebih tinggi, daripada fi yang dikenakan di Ruangan 2 dalam Bahagian B Jadual Ketiga.

JADUAL KETIGA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

**KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012**

BAHAGIAN D

**FI KEBENARAN MERANCANG UNTUK PEROBOHAN BANGUNAN
[Subkaedah 5(4)]**

Subseksyen 58(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Ruangan 1

Ruangan 2

Kebenaran merancang untuk meroboh RM 20 bagi setiap 10 meter persegi
sesuatu bangunan

JADUAL KETIGA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) (TERENGGANU) 2012

BAHAGIAN E

FI PERMOHONAN PEMAJUAN YANG DIJALANKAN TANPA MENDAPAT KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG TERLEBIH DAHULU DARIPADA PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN

[Subkaedah 5(5)]

Subseksyen 58(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Ruangan 1

Pemajuan di mana tidak terdapat kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan diberikan.

Perobohan bangunan di mana kebenaran merancang tidak diberikan.

Ruangan 2

Sepuluh kali ganda fi yang dikenakan dalam Ruangan 2 Bahagian B Jadual Ketiga.

Sepuluh kali ganda fi yang dikenakan dalam Ruangan 2 Bahagian D Jadual Ketiga.

JADUAL KEEMPAT
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)
(TERENGGANU) 2012

BORANG A

NOTIS KEPADA PEMUNYA TANAH BERJIRAN
[Kaedah 8]
Subseksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....
.....
.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa.....
